

24/06/2002

Pengumuman PM kekal jawatan cetuskan semangat

ALOR STAR, Ahad - Pemimpin Umno bahagian Kubang Pasu dan badan bukan kerajaan di sini menyifatkan pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan terus memimpin negara sebagai pencetus semangat supaya Melayu berusaha lebih kuat bagi meningkatkan imej bangsa.

Walaupun terkejut dengan pengumuman peletakan jawatan Perdana Menteri kelmarin, mereka meminta orang Melayu di seluruh negara melihat kenyataan Dr Mahathir itu secara positif dan menginsafi diri.

Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno bahagian Kubang Pasu, Ismail Khamis, berkata rakyat negara ini, terutama orang Melayu tidak boleh kehilangan Dr Mahathir pada masa ini.

"Kita masih memerlukan Dr Mahathir memimpin kita. Kami di (Parlimen) Kubang Pasu mahu beliau terus memimpin dan menjadi calon dalam pilihan raya umum akan datang.

"Walaupun kita mempunyai barisan pemimpin pelapis tetapi keadaan dalaman dan luar negara menghendaki Dr Mahathir terus memimpin negara," katanya ketika ditemui di Bangunan Umno Kubang Pasu, di sini, semalam.

Ahli Jawatankuasa Umno bahagian itu, Mohammad Abu Hassan, pula berkata Umno bahagian Kubang Pasu seolah-olah dapat merasakan Dr Mahathir akan membuat pengumuman mengejut itu.

"Kami seolah-olah tahu yang beliau (Dr Mahathir) berhasrat meletakkan jawatan. Berikutan itu, dalam beberapa mesyuarat (Umno) bahagian ini, kami menggesa beliau tidak berbuat demikian.

"Bagaimanapun, pengumuman beliau kelmarin memang mengejutkan. Saya sendiri tergamam di hadapan televisyen," katanya.

Sementara itu, Persatuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK) menyanjung tinggi tindakan Dr Mahathir menarik balik keputusannya daripada meletakkan jawatan.

Presidennya, Aman Khan Md Hussain, berkata kepimpinan Dr Mahathir amat diperlukan untuk terus membangunkan orang Melayu dan rakyat Malaysia.

"Saya begitu terkejut sebaik saja mendengar pengumuman peletakan jawatan beliau dalam Barisan Nasional (BN) petang semalam.

"Bagaimanapun, sebaik saja Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Timbalan Presiden Umno) mengumumkan penarikan semula peletakan jawatannya, PGMK bersyukur kerana negara masih memerlukan kepimpinan beliau dalam menghadapi era globalisasi," katanya.

Beliau berkata, PGMK berpendapat kepimpinan Perdana Menteri dalam Umno dan negara membantu perkembangan orang Melayu dengan pantas.

"Hasil kepimpinan beliau juga, membolehkan negara menjadi model sebuah negara Islam melalui kepesatan pembangunan berbanding negara membangun lain.

"Malaysia masih memerlukan keberanian dan ketokohan beliau untuk merancang dan menegur bangsa Melayu agar mempunyai sikap yang sesuai dengan pembangunan dunia masa kini," katanya.

(END)